

DATE: 20/08/2007

# Supaya Melayu, India berpeluang bekerja di sektor swasta – PM Hapus syarat Mandarin

Um - 20/8/2007

Oleh RAJA LUVENA SHARIFUDDIN  
dan SAIFULIZAM MOHAMAD

**KUALA LUMPUR** 19 Ogos – Sektor swasta yang dikuasai kaum Cina perlu membuka peluang pekerjaan kepada kaum Melayu dan India tanpa mensyaratkan pengambilan pekerja mesti menguasai bahasa Mandarin, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Pada masa yang sama, Perdana Menteri mahu dihapuskan persepsi bahawa sektor awam hanya menerima kakitangan di kalangan orang Melayu.

Beliau ingin melihat wujud situasi yang adil dan saksama bagi memastikan semua kaum mempunyai peluang sama untuk menecuri apa jua sektor yang mereka ingini.

Persepsi yang tidak tepat mengenai sektor awam dan swasta itu, kata Abdullah, telah menjadi 'cerita dongeng dan sudah menjadi persepsi dan amalan'.

"Kalau orang anggap kerajaan hanya ambil orang Melayu (sebagai kakitangannya), Cina buat apa mereka minta.

"Kalau sektor swasta nak ambil pekerja pula, syaratnya mesti tahu bahasa Mandarin, tak senang hati juga.

"Kalau nak buka, buka peluang kepada semua," kata Abdullah ketika berucap merasmikan Perhimpunan Agung Tahunan MCA Ke-54 di Wisma MCA di sini hari ini.

Turut hadir ialah pemimpin tertinggi parti komponen BN tersebut iaitu Presidennya, Datuk Seri Ong Ka Ting, timbalannya, Datuk Seri Chan Kong Choy dan 1,700 perwakilan.

Abdullah berkata, beliau menyedari masalah persepsi itu apabila dimaklumkan oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd. Sidek Hassan bahawa iklan pengambilan pegawai baru kerajaan baru-baru ini tidak mendapat sebarang permohonan daripada orang Cina.

"(Keadaan) itu amat pelik kerana golongan India yang memohon lebih ramai daripada dahulu. Yang selebihnya adalah (pemohon) Melayu.

"Apa nak jadi? Apakah yang kita boleh baca daripada perkara ini? Apa yang terjadi?" soalnya.

## Sambungan dari muka 1

### Hapus syarat Mandarin

Menurut Abdullah, wujud tanggapan di kalangan orang Cina bahawa mereka hanya bekerja dalam sektor swasta dan Melayu bekerja dalam sektor awam.

Dalam konteks ini, Perdana Menteri berharap sektor swasta akan menyediakan peluang pekerjaan kepada orang Melayu dan India agar persepsi 'diskriminasi' dalam sektor itu dapat dilenyapkan.

Beliau menegaskan, gejala itu tidak boleh dibenarkan terus berlaku.

Tegasnya: "Tidak boleh jadi begitu. Bukan dasar kita untuk jadikannya begitu.

"Setiap sektor perlu diisi oleh semua pihak tanpa mengira kaum."

Abdullah turut menekankan betapa pentingnya negara mempunyai pemimpin yang mengamalkan kepimpinan secara jujur, mengambil kira kepentingan semua kaum, adil dalam setiap tindakan dan mengambil kira perasaan orang lain dalam apa jua langkah yang diambil.

"Pemimpin mestilah tiada niat memencil

atau mendiskrimasi mana-mana pihak. Ini tak boleh dilakukan. Kalau ada pemimpin memencilkan mana-mana puak, maka dia tak berhak menjadi pemimpin Malaysia," katanya.

Dari segi kerajaan, kata Perdana Menteri, ia sentiasa berpendirian mengutamakan permufakatan dalam menyelesaikan sesuatu isu.

"Jika kita lihat bagaimana Kabinet membincangkan pelbagai isu, kita akan berasa bangga kerana pemimpin membincangkan pelbagai isu secara terbuka," ujar beliau.